

Garis Panduan Permohonan Pendaftaran *MyFood Tag*

Disediakan oleh:

**Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Edisi 2018

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. PENGENALAN	3
2. SKOP	3
3. DEFINISI	3
4. KRITERIA PERMOHONAN	5
5. PROSEDUR PERMOHONAN	6
6. PERMOHONAN TIDAK LENGKAP	6
7. PROSES KELULUSAN	6
8. TEMPOH SAH LAKU	6
9. PEMANTAUAN	7
10. PEMBAHARUAN	7
11. PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN NOMBOR FOOD TAG	7
12. CARTA ALIR PROSES	8
13. VERIFIKASI PREMIS	8
14. PERTANYAAN	9
15. RUJUKAN	10
16. PENGHARGAAN	11

1. PENGENALAN

Garis panduan ini memberikan panduan mengenai prosedur permohonan Pendaftaran ***MyFood Tag***.

Tujuan pendaftaran ini adalah sebagai satu mekanisma kawalan keselamatan makanan di sepanjang rantai. Selain itu, pendaftaran ini juga adalah sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada premis makanan yang memenuhi kriteria keselamatan makanan di sepanjang peringkat rantai berdasarkan aktiviti pengendalian makanan secara spesifik. Premis makanan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan berdasarkan garis panduan ini akan diberikan nombor Pendaftaran ***MyFood Tag***.

Garis panduan ini hendaklah dibaca secara bersama dengan garis panduan-garis panduan yang spesifik di setiap peringkat rantai makanan.

2. SKOP

2.1. Garis panduan ini terpakai kepada semua premis makanan yang terlibat dalam aktiviti berikut;

- i. Peringkat Gudang dan Pengumpulan
- ii. Peringkat Pengangkutan
- iii. Peringkat Pemprosesan
- iv. Peringkat Peruncitan

3. DEFINISI

Bagi tujuan skim ini, definisi berikut adalah terpakai:

3.1. KKM

Kementerian Kesihatan Malaysia

3.2. BKKM

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

3.3. JKN

Jabatan Kesihatan Negeri

3.4. PKD

Pejabat Kesihatan Daerah

3.5. IPBKKM

Ibu Pejabat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

3.6. *MyFood Tag*

Nombor pendaftaran yang diberikan kepada premis makanan yang memenuhi kriteria keselamatan makanan di sepanjang peringkat rantaian berdasarkan aktiviti pengendalian makanan secara spesifik.

3.7. Juruaudit

Individu yang berkebolehan secara teknikal berkenaan sistem jaminan keselamatan makanan dan pengauditan.

3.8. Verifikasi

Penilaian berasaskan bukti, yang dilakukan secara bebas dan sistematik, dijalankan oleh individu terlatih, bagi mengenalpasti sama ada aktiviti penghasilan produk makanan di sepanjang rantaian pembekalan makanan mematuhi perundangan. Penilaian dilaksanakan secara efektif dan bersesuaian dalam mencapai objektif keselamatan makanan.

3.9. Verifikasi Lapangan (*On-site Verification*)

Verifikasi yang dijalankan di kawasan premis/ pengangkutan pihak yang diverifikasi merangkumi verifikasi terhadap aktiviti yang dilakukan dan rekod-rekod yang berkaitan.

3.10. Verifikasi Susulan (*Follow-up Verification*)

Verifikasi susulan adalah untuk mendapatkan bukti atau keterangan bahawa ketidakakuran telah diambil tindakan pembetulan yang memuaskan dan mematuhi Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan

Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Verifikasi susulan boleh dijalankan sama ada melalui verifikasi di lapangan atau berdasarkan dokumen/rekod yang diberikan oleh pihak syarikat.

3.11. Senarai Semak Verifikasi

Senarai yang mengandungi elemen penilaian yang diperlukan dan dijadikan panduan semasa verifikasi bagi mewujudkan penilaian yang seragam.

3.12. Arahan Tindakan Pembetulan / *Corrective Action Request* (CAR)

Ketidakpatuhan yang didokumenkan oleh juruaudit dan memerlukan tindakan pembetulan yang memuaskan oleh pihak yang diaudit. Semua ketidakpatuhan (CAR) mestilah ditutup sebelum pensijilan diberikan.

3.13. Pensampelan

Pensampelan yang dijalankan oleh pegawai berkuasa Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan Malaysia di premis pemohon untuk kelulusan lesen, pemantauan KKM atau pada bila-bila masa mengikut keperluan.

4. KRITERIA PERMOHONAN

Pengusaha yang memohon pendaftaran *MyFood Tag* hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i) Syarikat berdaftar dengan KKM melalui Pendaftaran Premis Makanan. Permohonan boleh dibuat melalui laman sesawang <http://fosimdomestic.moh.gov.my> secara online.
- ii) Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan/atau Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (bagi Sabah dan Sarawak).
- iii) Premis mempunyai lesen daripada kerajaan tempatan atau surat pengesahan daripada agensi kerajaan (jika berkenaan).
- iv) Menyertakan Borang permohonan (Lampiran 2: BORANG KKM-RM-1/17) dan dokumen-dokumen berkaitan.

5. PROSEDUR PERMOHONAN

5.1. Permohonan

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran *MyFood Tag* (BORANG KKM-RM-1/17) seperti di **Lampiran 2** yang boleh diperolehi daripada:

- i. Ibu Pejabat PKKM, KKM.
- ii. Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)
- iii. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).
- iv. Laman web <http://fsg.moh.gov.my/v5/ms>

Semua borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

6. PERMOHONAN TIDAK LENGKAP

Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan dimaklumkan kepada pemohon. Pemohon perlu mengemukakan permohonan yang lengkap dengan kadar segera atau maksimum dalam tempoh enam (6) bulan. Permohonan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya melebihi tempoh yang telah ditetapkan.

7. PROSES KELULUSAN

7.1 Sila rujuk **Carta Alir** Permohonan Pendaftaran *MyFood Tag* seperti di Lampiran 1.

7.2 Bagi pemohon yang mempunyai sijil Program Jaminan Keselamatan Makanan daripada KKM seperti *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP), *Good Manufacturing Practices* (GMP) dan pensijilan MeSTI, *MyFood Tag* akan diberikan TANPA audit lapangan.

8. TEMPOH SAH LAKU

Tempoh sah laku *MyFood Tag* adalah tiga (3) tahun

9. PEMANTAUAN

Pemantauan berkala akan dijalankan sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali oleh pihak JKN atau PKD.

10. PEMBAHARUAN

Bagi tujuan pembaharuan, pemohon perlu mengemukakan Borang Permohonan Pendaftaran *MyFood Tag* (BORANG KKM-RM-1/17) yang telah lengkap diisi. (sila rujuk Carta Alir Permohonan *MyFood Tag*(Baru/Pembaharuan **LAMPIRAN 1**). Pembaharuan pensijilan perlu dibuat setiap tiga (3) tahun sekali dan permohonan perlu dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tarikh sah laku.

11. PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN NOMBOR MYFOOD TAG

- 11.1 Tindakan penggantungan akan diberikan sebelum *MyFood Tag* dibatalkan.
- 11.2 Tempoh maksima penggantungan sijil adalah sehingga tiga (3) bulan untuk tindakan pembatalan dilaksanakan sepenuhnya.
- 11.3 Pengiktirafan *MyFood Tag* boleh digantung atau dibatalkan atas sebab-sebab seperti berikut:
 - 11.3.1 Tidak memperbaharui sijil setelah tamat tempoh.
 - 11.3.2 Sekiranya didapati produk yang dihasilkan oleh pemegang sijil tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
 - 11.3.3 Sekiranya didapati premis pemegang sijil tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
 - 11.3.4 Penyalahgunaan logo *MyFood Tag* ke atas produk bukan makanan.
 - 11.3.5 Premis makanan bertukar ke lokasi/ alamat lain.
 - 11.3.6 Didapati premis telah menghentikan operasi.

- 11.3.7 Terdapat ketidakpatuhan yang belum ditutup melepasi tempoh tiga (3) bulan yang diberikan semasa audit lapangan.
- 11.3.8 Melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan oleh KKM dari semasa ke semasa.

- 11.4 Tindakan pembatalan sijil pengiktirafan yang diputuskan oleh IPBKKM adalah muktamad dan tidak boleh diambil sebarang tindakan perundangan oleh pemohon.

- 11.5 Permohonan baru perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan alamat lokasi penyediaan.

- 11.6 Pemohon perlu memaklumkan JKN atau PKD/PKB bagi tujuan pengekalan pensijilan bagi perkara seperti berikut:
 - 11.6.1 Pertukaran nama syarikat.
 - 11.6.2 Pertukaran pemilik syarikat.
 - 11.6.3 Menjalankan pengubahsuaian major pada struktur atau reka bentuk bangunan.

12. CARTA ALIR PROSES

- 12.1. Carta alir proses pendaftaran/pembaharuan rantaian makanan adalah seperti di Lampiran 1.

13. VERIFIKASI PREMIS

- 13.1. Verifikasi premis akan dijalankan apabila permohonan lengkap diterima.

- 13.2. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan, CAR akan dikeluarkan. Tindakan pembetulan perlu dilakukan oleh syarikat.

- 13.3. Pensampelan makanan oleh KKM akan dijalankan sekiranya perlu. Kos analisis ditanggung oleh pemohon.

13.4. Tempoh Pengeluaran Nombor *MyFood Tag*

Nombor Pendaftaran *MyFood Tag* akan dikeluarkan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja setelah permohonan lengkap diterima.

14. FORMAT NOMBOR SIJIL PENDAFTARAN MYFOOD TAG

14.1. Nombor kod pendaftaran *MyFood Tag* di bahagian kanan atas sijil.

14.2.

14.3. Nombor kod pendaftaran *MyFood Tag* adalah seperti berikut:

14.2.1	14.2.2	14.2.3	14.2.4	14.2.5	14.2.6	14.2.7
W	2	021/	01/	23/	10-	18
*Negeri	**Peringkat Rantaian Makanan	Nombor giliran syarikat 1	Nombor giliran syarikat 2	***Kod Komoditi	Bulan sijil dikeluarkan	Tahun sijil dikeluarkan

Contoh: W2 021/01/23/10-17

Petunjuk:

14.2.1 *Kod negeri

BIL.	NEGERI	KOD
1.	Perak	A
2.	Selangor	B
3.	Pahang	C
4.	Kelantan	D
5.	Johor	J
6.	Kedah	K
7.	Melaka	M
8.	Negeri Sembilan	N
9.	Pulau Pinang	P
10.	Sarawak	Q
11.	Perlis	R
12.	Sabah	S
13.	Terengganu	T
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	W
15.	Wilayah Persekutuan Labuan	L

14.2.2 **Peringkat Rantaian Makanan

Peringkat Rantaian	Koding
Pusat pengumpulan/gudang	1
Kenderaan	2
Pemborong/jualan	3
Kilang pemprosesan	4
Rumah penyembelihan	5

14.2.5 ***Kod komoditi

Komoditi	Kod
Bijirin, hasil bijirin, kanji dan roti	01
Malt dan Ekstrak Malt	02
Bahan Pengudara Makanan	03
Susu dan Hasil susu	04
Bahan Pemanis	05
Konfeksi	06
Daging dan hasil daging	07
Ikan dan hasil ikan	08
Telur dan hasil telur	09
Lemak makan dan minyak makan	10
Sayur-sayuran dan hasil sayur-sayuran	11
Sup dan stok sop	12
Jem, jeli buah, marmalad dan seri kaya	13
Kekeras dan hasil kekerasan	14
Teh, kopi, cikori dan hasil yang berkaiatan	15
Koko dan hasil koko	16
Susu kocak	17
Garam dan rempah	18
Cuka, sos, cutni dan jeruk	19
Minuman ringan	20
Air mineral semulajadi	21
Air minuman berbungkus	22
Ais	23
Minuman beralkohol	24
Syandi	25
Makanan bertujuan khas	26
Pelbagai (Sila nyatakan:.....)	27

15. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut pihak pemohon boleh menghubungi :

Bil.	Bahagian / Jabatan / Pejabat /Alamat	No.telefon / Laman web
1	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 4, Menara Prisma No.26, Jalan Persiaran Perdana Presint 3, 62590 Putrajaya	No. Tel : 03-8883 3558 No. Faks : 03-8889 3815 Laman web : http://fsq.moh.gov.my/v5/ms
2	Jabatan Kesihatan Negeri	Lampiran 5

13. RUJUKAN

- i. Akta Makanan 1983 & Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- ii. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009
- iii. Garis Panduan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)
- iv. Garis Panduan Skim Pensijilan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP), KKM.
- v. Garis Panduan Kawalan Keselamatan Makanan di Sepanjang Rantaian: Gudang dan Pusat Pengumpulan
- vi. Garis Panduan Kawalan Keselamatan Makanan di Sepanjang Rantaian: Pengangkutan
- vii. Garis Panduan Kawalan Keselamatan Makanan di Sepanjang Rantaian: Peruncitan

PENGHARGAAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai berikut yang bertanggungjawab dalam membangunkan Prosedur ini.

Penaung

Noraini Dato' Mohd Othman

Penasihat

Mohd Salim Hj Dulatti

Ketua Editor

Mohd Khairuddin bin Mohd Talib

Editor

Muhammad Muhayudeen Bin Musa
Mohd Faris Helmi bin Ab Rahim
Nur Yuhanis binti Mohd Anuar

TURUT MEMBANTU

Noorhaliza bt. Asari, JKN Perak

Hiew Yun Yee, JKN Sabah

Rosnah Muhammad, JKN Pulau Pinang

Wan Mohd Nazri bin Wan Mohd Izzuddin,
JKN Melaka

Nik Nurain binti Nik Hanafi, JKN Kelantan

Norazalia Nordin, JKN Perlis

Safura bt. Mohd Nasir, JKN Selangor

Siti Zubaidah Bt Ahmad Johari, JKN Kedah

Balkis Mohadzir, JKN Pulau Pinang

Mohamad bin Muda, JKN Terengganu


Kalidass a/l Murugan, JKN Negeri
Sembilan

Mardiyah Zarifah bt Zulkifli, JKN WP Kuala
Lumpur

Koh Wan Yung, JKN Pahang

Chennie Shiela Wong, JKN Sabah

CARTA ALIR PERMOHONAN BARU DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN MYFOOD TAG



Pemohon sediakan :

- (i) Borang Permohonan
- (ii) Senarai Semak Permohonan Dokumen Sokongan

Semak kecukupan dokumen permohonan.

Maklum kepada pemohon cadangan tarikh verifikasi premis

Jalankan verifikasi ke atas premis dalam tempoh **tiga (3) hari** dari tarikh permohonan lengkap.

Jalankan pensampelan sekiranya perlu dan sampel dihantar ke makmal yang diakreditasi.


Maklum pemohon untuk memberi maklumbalas Tindakan Pembedahan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Borang Permintaan Tindakan Pembedahan dikeluarkan.

Semak kepatuhan keputusan analisis.

Lengkapkan Laporan Verifikasi.
Kemukakan dokumen permohonan ke Ibu Pejabat BKKM.
Kemukakan salinan dokumen permohonan ke JKN.

Semakkan laporan yg dikemukakan.

Kemukakan dokumen untuk kelulusan.





**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Borang Permohonan Pendaftaran *MyFood Tag*

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERMOHONAN

<u>JENIS PERMOHONAN</u>		<u>PERINGKAT RANTAIAN</u>	
BARU <input type="checkbox"/>		GUDANG/PUSAT PENGUMPULAN <input type="checkbox"/>	
PEMBAHARUAN <input type="checkbox"/>		RUMAH SEMBELIH <input type="checkbox"/>	
		PEMROSESAN <input type="checkbox"/>	
		PENGANGKUTAN <input type="checkbox"/> (Sila lampirkan senarai kenderaan, no pendaftaran dan nama pemandu)	
		PERUNCITAN <input type="checkbox"/>	
1. NAMA SYARIKAT			
2. ALAMAT SYARIKAT		5. ALAMAT PREMIS	
3. NAMA PEMOHON		6. NO. TELEFON / NO. FAKS	
4. NO KAD PENGENALAN		7. NO. TELEFON BIMBIT	
ALAMAT FACEBOOK PEMOHON		WEBSITE SYARIKAT	
8. PENSIJILAN PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN		9. DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN:	
ADA <input type="checkbox"/>		a. Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat (SSM)	
TIADA <input type="checkbox"/>		b. Salinan Slip Pendaftaran Premis KKM	
(nyatakan:.....)		c. Salinan Lesen Pihak Berkuasa Tempatan / Surat Pengesahan dari agensi kerajaan	
(Jika ada, sila lampirkan salinan sijil)			

BAHAGIAN B : MAKLUMAT PRODUK

10.KATEGORI KOMODITI MAKANAN YANG TERLIBAT (TANDA PADA YANG BERKENAAN)	Bijirin, hasil bijirin, kanji dan roti	01	
	Malt dan Ekstrak Malt	02	
	Bahan Pengudara Makanan	03	
	Susu dan Hasil susu	04	
	Bahan Pemanis	05	
	Konfeksi	06	
	Daging dan hasil daging	07	
	Ikan dan hasil ikan	08	
	Telur dan hasil telur	09	
	Lemak makan dan minyak makan	10	
	Sayur-sayuran dan hasil sayur-sayuran	11	
	Sup dan stok sop	12	
	Jem, jeli buah, marmalad dan seri kaya	13	
	Kekeras dan hasil kekerasan	14	
	Teh, kopi, cikori dan hasil yang berkaiatan	15	
	Koko dan hasil koko	16	
	Susu kocak	17	
	Garam dan rempah	18	
	Cuka, sos, cutni dan jeruk	19	
	Minuman ringan	20	
	Air mineral semulajadi	21	
	Air minuman berbungkus	22	
	Ais	23	
	Minuman beralkohol	24	
	Syandi	25	
	Makanan bertujuan khas	26	
	Pelbagai (Sila nyatakan:.....)	27	

BAHAGIAN C : SENARAI PEMBEKAL BAHAN MENTAH

Bil	Nama produk/bahan mentah	Pembekal

*lampiran boleh disertakan sekiranya perlu.

BAHAGAIAN D: SENARAI PELANGGAN

Bil	Nama Pelanggan	Peringkat: (Gudang Penyimpanan/Pemprosesan/Peruncit)

*lampiran boleh disertakan sekiranya perlu.

BAHAGAIAN E: BAYARAN

Semua Jenis Pembayaran Hendaklah Dibuat Di Atas Namapengarah Kesihatan Negeri Atau Pegawai Kesihatan Daerah

Nombor Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos:

Tarikh Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos:

BAHAGIAN F: PENGESAHAN PERMOHONAN

Saya _____

Jawatan _____

Dengan ini mengaku bahawa kenyataan di atas dan lampiran yang disertakan adalah benar.

TANDATANGAN PEMOHON

.....
COP RASMI SYARIKAT:

Tarikh:

BORANG KKM-RM-2/17



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Senarai Semak Borang Permohonan Pendaftaran *MyFood Tag***

Nama Premis :

Alamat premis:

Peringkat Rantaian Makanan : Pusat Pengumpulan/Gudang/emprosesan/Peruncit (Retail)/

Pengangkutan/Rumah Sembelih

Kategori Permohonan : Baru Pembaharuan

Bil	Perkara	Pemohon	Kegunaan Pejabat
		Ada (√)	Tiada (X)
1.	Borang Permohonan		
2.	Salinan Slip Pendaftaran Premis KKM		
3.	Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
4.	Salinan Lesen / Dokumen Sokongan dari PBT / Agensi Kerajaan		
5.	Salinan Sijil Sistem Jaminan Keselamatan Makanan		
6.	Dokumen sokongan lain yang diperlukan: a) Carta alir proses b) Bayaran Pensijilan		
7.	Pengesahan Maklumat/Dokumen (<i>tandatangan dan cop</i>)		

Untuk Kegunaan Pejabat

8.	Tarikh Terima :	
9.	Status Permohonan	<input type="checkbox"/> Lengkap <input type="checkbox"/> Tidak Lengkap

Akuan Penerimaan

Nombor Rujukan Pemohon : _____ Tarikh : _____
Adalah dimaklumkan, permohonan dan bayaran dalam bentuk draf bank//kiriman wang/ wang pos bernombor _____ sebanyak RM _____ yang bertarikh _____ telah diterima daripada pemohon bagi premis _____

Tandatangan penerima : _____

Nama Pegawai dan Jawatan : _____

**SENARAI BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN,
JABATAN KESIHATAN NEGERI**

1. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis,
Tingkat 8, Bangunan Wisma Persekutuan,
Persiaran Jubli Emas,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan.
Tel: 04-9766989/04-9777599
Faks: 04-9767419/9776369
<http://jknperlis.moh.gov.my>
2. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah,
Jalan Simpang Kuala,
05400 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7741000/04-7741015
Faks: 04-7741022
<http://jknkedah.moh.gov.my>
3. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 35 & 37, KOMTAR,
10590 Pulau Pinang.
Tel: 04-2625533/04-2017245
Faks: 04-2263371
<http://jknpenang.moh.gov.my>
4. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30590 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
Tel: 05-2084200
Faks: 05-2550740
<http://jknperak.moh.gov.my>
5. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor,
Tingkat 27, Wisma MBSA,
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03-55182121
Faks: 03-55185194/55185195
<http://www.jknselangor.moh.gov.my>
6. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan.
Tel: 03-22687333/22687361
Faks: 03-22687555
<http://jknkl.moh.gov.my>
7. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan,
Jalan Rasah,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel: 06-7664800 / 06-7625231
Faks: 06-7638543
<http://jknns.moh.gov.my>
8. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka,
Tingkat 5, Wisma Persekutuan,
Jalan Business City, Bandar MITC,
75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel: 06-2345959
Faks: 06-2345969
<http://jknmelaka.moh.gov.my>

9. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor,
Hospital Permai Lama,
Jalan Persiaran Permai,
81200 Johor Bharu, Johor Darul Takzim.
Tel: 07-2231102 / 2372110
Faks: 07-2367278
<http://jknjohor.moh.gov.my>
10. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang,
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota,
25582 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-5707750/09-5707999
Faks: 09-5707798/5178497
<http://jknpahang.moh.gov.my>
11. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu,
Kuala Terengganu Business Centre (KTBC),
Jalan Sultan Mohamad,
21100 Hiliran Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.
Tel: 09-6226028
Faks: 09-6221385
<http://jknterengganu.moh.gov.my>
12. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan ,
Aras 7, Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong,
15000 Kota Baharu,
Kelantan Darul Naim.
Tel: 09-7416736/7413353
Faks:09-7471890
<http://jknkelantan.moh.gov.my>
13. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Tun Abang Haji Openg,
93590 Kuching,
Sarawak.
Tel: 082-237835/237837/237853
Faks: 082-258849/237837
<http://jknsarawak.moh.gov.my>
14. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah ,
Tingkat 5, Wisma BSN Sabah,
Jalan Kemajuan, Karamuning,
88000 Kota Kinabalu Sabah
Tel: 088-248201/203/205
Faks: 088-248215
<http://jknsabah.moh.gov.my>
15. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan WP Labuan,
Peti surat 80832,
87018 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel: 087-596000 / 087-411702
Faks: 087-419011(Kesihatan Awam)
<http://jknlabuan.moh.gov.my>